

KENAIKAN PANGKAT (LANTIKAN TETAP SAHAJA)

1. Pengiklanan Kenaikan Pangkat

1.1 Pengiklanan bagi tujuan kenaikan pangkat ke sesuatu jawatan (mana yang berkenaan) akan diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar. Iklan akan disiarkan melalui *email* / memo edaran / surat edaran kepada semua staf UPSI.

2. Pegawai Yang **Layak Memohon Kenaikan Pangkat**

- i. Pegawai yang berjawatan tetap;
- ii. Telah disahkan dalam jawatan di gred lantikan;
- iii. Pegawai yang berjawatan tetap dan sedang berkhidmat secara pertukaran sementara atau pinjaman ke agensi luar;
- iv. Telah disahkan dalam jawatan;
- v. Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- vi. Memperolehi markah LNPT bagi 3 tahun terkini berturut-turut minimum 80% bagi staf akademik dan 85% bagi staf pentadbiran. Bagi kenaikan pangkat melalui TBBK, purata markah LNPT bagi 3 tahun terkini berturut-turut adalah minimum 85%. Pengecualian hanya diberikan kepada mereka yang tiada LNPT kerana cuti belajar (termasuk sabbatical dan Post Doktor);
- vii. Telah menghadiri Kursus *English For Work* bagi staf pentadbiran;
- viii. Bebas sebagai peminjam tegar daripada institusi peminjaman pendidikan;
- ix. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- x. Telah mengisytiharkan harta mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- xi. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib; dan
- xii. Kursus persediaan kenaikan pangkat.

3. Pegawai Yang **Tidak Layak Memohon Kenaikan Pangkat**

- i. Pegawai yang dilantik secara Kontrak, Sementara dan Sambilan;
- ii. Pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib atau yang telah menerima hukuman tatatertib. Tempoh calon tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

JENIS HUKUMAN TATATERTIB	TEMPOH CALON TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN KENAIKAN PANGKAT
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tanggung Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

4. Kenaikan Pangkat Staf Akademik

4.1 Skim perkhidmatan bagi staf akademik terdiri daripada:

- i. Pensyarah Universiti (DS)
- ii. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (DG)
- iii. Guru Bahasa (DG)
- iv. Penolong Pegawai Latihan Vokasional (DV)

4.2 Gred kenaikan pangkat bagi setiap skim perkhidmatan di atas adalah seperti berikut:

Bil.	Skim Perkhidmatan	Gred kenaikan pangkat	Keperluan kriteria khusus
1.	DS	DS45 ke DS52 ke DS54 ke VK7 ke VK6 ke VK5	Ya kecuali DS45 yang ada PhD
2.	DG	DG41 ke DG44 ke DG48 ke DG52 ke DG54	Ya
3.	DV	DV29 ke DV36 ke DV38 ke DV40	Ya kecuali DV yang guna laluan TBBK

*Kriteria khusus boleh disemak melalui laman web BSM

4.3 Permohonan kenaikan pangkat perlu dibuat melalui PTj. PTj akan menilai permohonan pemohon melalui Jawatankuasa Kesepakatan PTj. Perakuan daripada PTj akan dipanjangkan kepada BSM.

4.4 BSM akan membuat semakan permohonan kenaikan pangkat dan permohonan dibawa ke Jawatankuasa Kesepakatan Universiti untuk penilaian dan pertimbangan Jawatankuasa.

- 4.5 Calon yang telah memenuhi syarat akan dipanggil untuk ditemuduga kecuali calon DV. Bagi calon DV, Jawatakuasa akan menilai kelayakan calon berdasarkan rekod pencapaian tanpa perlu sesi temu duga.
- 4.6 Calon-calun yang berjaya dan tidak berjaya akan dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) melalui mesyuarat JKPU atau LPU mengikut gred kenaikan pangkat yang telah ditetapkan.
- 4.7 Keputusan PBM akan dimaklumkan kepada calon. Bagi calon yang berjaya, sesi penyerahan surat kenaikan pangkat akan diadakan dan disampaikan oleh Naib Canselor/ Timbalan-timbalan Naib Canselor/ Pendaftar.

5. Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran

- 5.1 Laluan kenaikan pangkat bagi staf pentadbiran adalah seperti berikut:
 - i. Kekosongan jawatan (berdasarkan waran perjawatan)
 - ii. Fleksi bagi kumpulan P&P
 - iii. Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK)
 - iv. Laluan kerjaya Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian
- 5.2 Permohonan kenaikan pangkat boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan kenaikan pangkat yang boleh dimuat naik daripada laman web BSM.
- 5.3 Ujian Psikometrik akan dijalankan kepada calon Pengurusan Dan Profesional (P&P) yang memohon jawatan melalui kekosongan jawatan yang telah diiklankan oleh BSM.
- 5.4 Penilaian 360 darjah akan dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Bakat, BSM kepada calon kenaikan pangkat yang memohon jawatan Gred 48 dan ke atas.
- 5.5 Kedua-dua ujian tersebut dilaksanakan bagi membantu urus setia mendapatkan input berhubung dengan personaliti calon-calun sebelum dipanggil temu duga.
- 5.6 Bagi kenaikan pangkat melalui Fleksi, kekosongan gred kenaikan pangkat adalah berdasarkan Surat Kelulusan Perjawatan (waran) yang sedang berkuat kuasa.
- 5.7 Kenaikan pangkat melalui Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) hanya untuk Kumpulan Pelaksana dan terhad sehingga lapisan kedua kenaikan pangkat sahaja.

- 5.8 Calon TBBK akan dinilai oleh Penyelia dan Ketua PTj melalui borang yang dihantar oleh BSM kepada Ketua PTj. Calon yang telah memenuhi syarat akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilih tanpa perlu menghadiri sesi temu duga.
- 5.9 Bagi calon-calon yang lain selain TBBK, sesi temu duga akan diadakan dan pemilihan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemilih.
- i. Keputusan Jawatankuasa Pemilih akan dibawa ke Mesyuarat JKPU untuk perakuan Pihak Berkuasa Melantik (PBM).
 - ii. Keputusan PBM akan dimaklumkan kepada calon. Bagi calon yang berjaya, sesi penyerahan surat kenaikan pangkat akan diadakan dan disampaikan oleh Naib Canselor/ Timbalan-timbalan Naib Canselor/ Pendaftar.

6. Tarikh Kenaikan Pangkat

- 6.1 Tarikh kuatkuasa kenaikan pangkat adalah pada tarikh yang ditentukan oleh PBM.

7. Rayuan Kenaikan Pangkat

- 7.1 Mana-mana staf yang terkilan dengan perjalanan kuasa kenaikan pangkat, rayuan boleh dibuat secara bertulis kepada Pendaftar untuk pertimbangan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan kenaikan pangkat itu disampaikan. Apa-apa rayuan yang dibuat hendaklah dinyatakan dengan jelas alasan rayuan itu untuk dibawa ke Jawatankuasa Rayuan kenaikan pangkat untuk pertimbangan selanjutnya.
- 7.2 Keputusan permohonan rayuan kenaikan pangkat akan dimaklumkan kepada calon secara bertulis dan keputusan tersebut adalah muktamad.

PENAFIAN

Segala pekeliling dan peraturan yang terdapat dalam Kit Lapor Diri ini tertakluk kepada perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengguna kit ini untuk mendapatkan maklumat pekeliling dan peraturan terkini di laman web yang berkaitan.